

The background is a dark charcoal grey with a subtle, faint grid pattern. In the top right corner, there are three small dots: a teal one, a pink one, and a small orange one. In the bottom left corner, there is a large orange circle and a small light blue dot. In the bottom right corner, there is a pink wavy shape with a small orange dot on its top edge.

BENGKEL TEKNIK MENJAWAB SOALAN KBAT SEJARAH SPM

APA ITU KBAT

1. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
2. Item analisis, menilai & mencipta
3. Jawapan perlu berfikir, bukan hafal
4. Jawapan pasang siap tidak diterima lagi

KBAT DALAM SOALAN SPM 1249/2

CONTOH PERUNTUKAN MARKAH

BAHAGIAN A : STRUKTUR

Soalan 1 (c) : 4 markah

Soalan 2 (c) : 4 markah

Soalan 3 (c) : 4 markah

Soalan 4 (c) : 4 markah

BAHAGIAN B : ESEI

Soalan 5 (c) : 8 markah

Soalan 6 (c) : 8 markah

Soalan 8 (c) : 8 markah

Soalan 9 (c) : 8 markah

BENTUK SOALAN KBAT

1. KBAT TERTUTUP – FAKTA SEJARAH
2. KBAT TERBUKA
 - POSTER
 - PETIKAN
 - GRAF
 - INFOGRAFIK
 - JADUAL



CARA MUDAH

MENJAWAB KBAT



CARA MENJAWAB SOALAN KBAT



- 1) Mengenali **kata kunci** soalan
- 2) Memahami **kehendak** soalan
- 3) Menjana **idea** berdasarkan kehendak soalan

• CONTOH SOALAN



Mengapakah
perpaduan penting bagi
sesebuah negara?



APAKAH LANGKAH YANG BOLEH DILAKSANAKAN



Fakta
Huraian
Contoh
Kesan / Impak



CONTOH JAWAPAN 1

F- Perpaduan penting untuk menjamin kestabilan politik negara.

H- Hal ini kerana masyarakat hidup aman tanpa konflik .

C- Contohnya, rakyat pelbagai kaum bekerjasama dalam ekonomi.

K- Kesannya, negara terus maju dan aman .



CONTOH JAWAPAN 2

Perpaduan sangat penting untuk sesebuah negara kerana perpaduan dapat menjamin kestabilan politik negara. **Kepentingan seterusnya**, dapat membentuk negara yang aman dan damai. **Kepentingan seterusnya**, dapat mengelakkan pergaduhan antara kaum. **Kepentingan seterusnya** ialah mengukuhkan kedaulatan negara.

KESALAHAN LAZIM



Jawapan terlalu ringkas

1. Tiada kepala ayat
2. Hanya menggunakan penanda wacana
3. Tidak menjawab mengikut kehendak soalan
cth : soalan ulaskan – Tulis kepentingan :

TIP SKOR A+



1. Gunakan ayat lengkap
2. Kembangkan idea
3. Berikan contoh relevan
4. Latih tubi soalan KBAT

SOALAN KBAT SPM 2025

c) “Kedaulatan negara bergantung kepada warganya yang Bersatu.”

Sumber : Titah DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
5 November 2017

Ulasakan.

[4 markah]

CONTOH JAWAPAN



Ulasan saya ialah kedaulatan negara mesti bergantung kepada warganya yang bersatu.

Ulasan seterusnya, rakyat dapat hidup secara harmoni tanpa pergaduhan. Ulasan seterusnya, rakyat bekerjasama antara satu sama lain dalam memajukan negara. Ulasan seterusnya ialah mengutamakan persefahaman antara kaum.

ee

www

SOALAN KBAT SPM 2025

(c) Teliti poster berikut.



Sumber: <https://m-update.com>, 24 Jun 2019

Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

[8 markah]

TEKNIK MENJAWAB



1. MAKLUMAT POSTER – 4 ISI

2. HURAIAN – 4 ISI

MAKLUMAT POSTER

1. Cinta rakyat

2. Cinta negara

3. Negara kita wujud dengan nilai dan budaya yang tersendiri

4. Budaya luar tidak semestinya sesuai dengan

- budaya ketimuran kita.

ee

www

CONTOH JAWAPAN

Mesej yang terkandung dalam poster ialah cinta rakyat. Hal ini dapat mengukuhkan perpaduan rakyat. Mesej seterusnya ialah cinta negara. Hal ini dapat melahirkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat. Mesej seterusnya, negara kita wujud dengan nilai dan budaya yang tersendiri. Hal ini dapat mengekalkan warisan dan identiti negara. Mesej seterusnya, budaya luar tidak semestinya sesuai dengan budaya ketimuran kita. Hal ini dapat mengelakkan pengaruh barat dalam kehidupan harian rakyat negara kita.



SOALAN KBAT BERPETIKAN

Teliti petikan berikut.

Antara kelebihan bagi sistem demokrasi berparlimen ialah kecekapan pentadbiran negara yang sistematik telah dibentuk dan segala permasalahan dapat diselesaikan melalui rundingan. Hal ini dapat mengekalkan keamanan dan keharmonian negara. Dengan itu, perancangan pembangunan kerajaan dapat mudah diatur. Di samping itu, kerjasama dalam masyarakat dapat ditingkatkan. Keadaan ini dapat mengurangkan tekanan antarabangsa. Akhir sekali, sistem demokrasi juga dapat memperkukuhkan perpaduan dan menjamin kestabilan politik yang secara tidak langsung menarik pelaburan asing bagi membantu perkembangan sistem industri negara.

Sumber : <http://luintannanaa.blogspot.com/2015/03/>

Jelaskan maklumat yang terdapat dalam petikan di atas dan kesan pengamalan sistem pemerintahan tersebut.

[8 markah]

TEKNIK MENJAWAB



1. MAKLUMAT PETIKAN – 4 ISI

2. KESAN – 4 ISI

MAKLUMAT PETIKAN

1. Sistem demokrasi berparlimen ialah kecekapan pentadbiran negara yang sistematik telah dibentuk
2. Segala permasalahan dapat diselesaikan melalui rundingan
3. Dapat mengekalkan keamanan dan keharmonian negara



TEKNIK MENJAWAB



MAKLUMAT PETIKAN

4. Perancangan pembangunan kerajaan dapat mudah diatur

KESAN PENGAMALAN SISTEM PEMERINTAHAN

ee

1. Rakyat mempunyai hak memilih pemimpin
2. Mengelakkan penyalahgunaan kuasa
3. Dasar ekonomi lebih adil
4. Hak asasi rakyat lebih terjamin.

mm



**TERIMA
KASIH**